

14/05/2003

PM sampaikan mesej penting pada Hari Belia Negara 2003

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan mesej penting kepada lebih 15,000 belia pada perhimpunan Hari Belia Negara 2003

di Stadium Bukit Jalil esok.

Mesej itu adalah yang terakhir disampaikan Perdana Menteri sempena Hari

Belia sebelum melepaskan jawatan pada Oktober ini.

Jurucakap jawatankuasa penganjur ketika dihubungi berkata, ia adalah perhimpunan Hari Belia terbesar diadakan sebagai penghormatan kepada Dr Mahathir yang memberi banyak sumbangan pembangunan belia sejak memimpin negara 22 tahun lalu.

Katanya, memandangkan ia kali terakhir Perdana Menteri menyertai perhimpunan Hari Belia, adalah diharapkan mesej yang disampaikan bakal memberi gambaran dan harapan Dr Mahathir kepada belia negara.

Tema perayaan tahun ini ialah Menjana Kecemerlangan Bangsa dengan fokus

kepada pembangunan dan kecemerlangan berterusan belia tempatan.

Kementerian Belia dan Sukan pula buat pertama kalinya memperkenalkan Anugerah Duta Belia 2003 sempena sambutan itu bagi menghargai sumbangan golongan itu yang mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa.

Anugerah tahun ini memperkenalkan 10 kategori penyertaan belia, iaitu fesyen, seni, sukan, industri, usahawan, teknologi maklumat (IT), reka cipta, saintis, kerjaya dan kreatif.

Anugerah akan disampaikan Dr Mahathir kepada seorang daripada lima remaja yang dipilih ke peringkat akhir daripada 28 remaja terbaik yang mencipta kegemilangan dalam bidang masing-masing.

"Duta itu menjadi model contoh dan kebanggaan remaja negara yang ingin mencipta kejayaan," katanya.

Sambutan hari belia tahun ini juga akan membabitkan satu lagi elemen baru iaitu Pameran Kecemerlangan Belia Negara 2003.

Pada majlis itu juga, Majlis Belia Malaysia (MBM) akan menyerahkan kutipan untuk Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia (MIPF) kepada Dr Mahathir.